

بَابُ يَأْخُذُ بُصُولَ النَّبْلِ إِذَا مَرَّ فِي الْمَسْجِدِ

39- Bab Seseorang Yang Membawa Anak Panah Hendaklah Memegang (Menjaga) Mata Anak Panah Itu Apabila Ia Lalu Di Dalam Masjid.⁶⁶⁵

٤٣٢- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ قُلْتُ لِعَمْرِو أَسَمِعْتَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ مَرَّ رَجُلٌ فِي الْمَسْجِدِ وَمَعَهُ سِهَامٌ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْسِكْ بِنَصَالِهَا

432- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku bertanya `Amar (bin Dinaar): "Adakah engkau telah mendengar Jabir bin `Abdillah menceritakan: "Ada seorang lelaki yang membawa beberapa (batang) anak panah lalu di dalam masjid. Rasulullah s.a.w. terus berkata kepadanya: "Peganglah matanya?"⁶⁶⁶

⁶⁶⁵ Bab ini diadakan Bukhari untuk menyatakan kehormatan masjid. Kehormatan masjid menuntut kita agar beradab apabila memasukinya. Antara adab masuk ke dalam masjid ialah apabila membawa anak panah atau senjata-senjata lain yang boleh membahayakan, mestilah ia dijaga dengan sebaik mungkin. Ini kerana terhimpun di situ dua kehormatan. Pertamanya ialah kehormatan masjid. Dan keduanya pula ialah kehormatan orang Islam. Menurut Maulana Rasyid Ahmad Ganggoi, bab ini diadakan Bukhari sebagai muqaddimah kepada bab seterusnya. Kedua-duanya membicarakan tentang lalu di dalam masjid.

⁶⁶⁶ Perintah Rasulullah s.a.w. supaya memegang mata anak panah ketika masuk ke dalam masjid, tidak lebih daripada menyatakan maksud Baginda s.a.w. supaya berhati-hati ketika membawa barang-barang seperti itu di dalamnya. Sama ada dengan memegang mata anak panah atau menyarungkannya atau dengan memilih cara-cara lain yang sesuai dengan senjata yang dibawa demi keselamatan orang-orang yang berada di dalamnya. Asbab al-wurud hadits ini dapat dilihat di dalam dua hadits berikut: (1) Bukhari sendiri meriwayatkan dengan lebih jelas lagi di bawah باب قول النبي صلى الله عليه وسلم من حمل علينا السلاح فليس منا أن رجلاً مر في المسجد بأسهم فذ أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أمر رجلاً كان يتصق بالنبل في المسجد أن لا يمر بها إلا وهو أخذ بصولها Bermaksud: Bahawa sesungguhnya ada seorang lelaki lalu di dalam masjid dengan membawa beberapa batang anak panah yang terdedah matanya. Dia diperintah (Nabi s.a.w.) supaya memegang (menjaga) mata anak panahnya itu agar ia tidak mengguris (melukakan) seseorang Islam (yang berada di dalamnya). Muslim juga telah meriwayatkan hadits ini daripada Jaabir. (2) Di bawah باب أمر من مر بسلاح في مسجد أو سوق أو غيرهما من المواضع الجامعة للناس أن يمسك عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أمر أنه أمر رجلاً كان يتصق بالنبل في المسجد أن لا يمر بها إلا وهو أخذ بصولها Bermaksud: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. memerintahkan seorang lelaki yang sedang bersedekah anak panah di dalam masjid agar tidak lalu di dalamnya melainkan dengan memegang (menjaga) mata anak panahnya." Kedua-dua hadits ini jelas menunjukkan sebab Rasulullah s.a.w. menyuruh orang itu memegang anak panahnya. Ia juga menunjukkan maksud orang berkenaan membawa anak panah ke dalam masjid. Ia sama sekali bukanlah untuk menakut-nakutkan orang-orang yang berada di dalamnya. Malah untuk membahagi-bahagikannya di kalangan mereka. **Hadits Jaabir di bawah tajuk bab di atas** kelihatan tergantung kerana tidak tersebut di dalamnya jawapan `Amar kepada Sufyan. Zahirnya tidak menyakinkan ittishaalnya. Tetapi kalau dilihat kepada hadits Sufyan yang juga diriwayatkan oleh Bukhari daripada `Amar melalui saluran riwayat `Ali bin `Abdillah di dalam Kitab al-Fitan di bawah باب قول النبي من حمل علينا السلاح فليس منا, jelas terdapat di dalamnya jawapan `Amar kepada Sufyan bahawa beliau memang telah mendengarnya daripada Jaabir r.a. apabila beliau (`Amar) berkata: "نعم". Dengan itu hilanglah kemungkinan terputusnya (inqithaa') isnad hadits di atas. Menurut al-Aini, berdasarkan riwayat nuskah al-Ashili, riwayat ini juga mengandungi pengesahan dan perakuan `Amar berupa perkataan "نعم" seperti yang tersebut di dalam riwayat Kitab al-Fitan itu. Andaikata `Amar tidak berkata apa-apa sekalipun, bahkan dia diam saja apabila Sufyan bertanya seperti yang tersebut di dalam

riwayat di atas, tetap juga riwayat itu dikira muttashil menurut majoriti muhaqqiqin dari kalangan muhadditsin, termasuk Imam Bukhari sendiri. Syarat yang dikehendaki hanyalah guru yang ditanya dalam isnad itu adalah seorang yang teliti dan berhati-hati. Walaupun sesetengah 'ulama' mensyaratkan pengesahan berupa perkataan seperti نعم, namun ia bukan merupakan pendapat yang rajih. **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits yang ringkas ini ialah: (1) Kehormatan darah, harta benda dan maruah orang-orang Islam perlu sekali dijaga. Rasulullah s.a.w. selalu menekankan agar dijaga dan dipelihara kehormatan orang-orang Islam. (2) Masjid adalah tempat suci. Orang-orang yang pergi ke masjid juga mengharapkan kesucian diri mereka dengan mengerjakan ibadat di dalamnya. Oleh itu kehormatan orang-orang yang berada di dalam masjid lebih-lebih lagi perlu dijaga dan dipelihara. (3) Umat Islam diajar supaya lebih berhati-hati apabila berada di tempat di mana terkumpulnya beberapa kehormatan. (4) Ketinggian budi pekerti Rasulullah s.a.w. dan kasih sayang Baginda kepada umatnya. (5) Menumpahkan darah orang Islam walaupun sedikit dengan melukakannya, sudah dikira dosa besar. Dosa membunuhnya tentulah lebih besar lagi. (6) Keharusan membawa masuk senjata ke dalam masjid dalam keadaan terkawal. (7) Membawa senjata ke tempat-tempat umum walaupun dengan niat yang baik, mestilah dengan syarat tidak akan mencederakan sesiapa. (8) Seseorang ketua atau pemimpin seharusnya tidak menanggung-nanggung dalam menegur apa-apa kesilapan yang dilakukan oleh pengikutnya, jika kesilapan itu boleh membawa mudharat kepada orang lain. (9) Maksud sabda Nabi s.a.w. "Peganglah matanya" ialah jaga dan kawallah mata anak panah itu jangan sampai ia tertusuk mengenai seseorang. Ia sama sekali tidak bererti Rasulullah s.a.w. menyuruh orang berkenaan dan orang-orang lain dari kalangan umatnya memegang mata anak panah, pisau, pedang dan lain-lain tanpa sarung atau pembalutnya sehingga tangan sendiri pula yang mendapat luka!

⁶⁶⁷ Ramai juga pensyarah Sahih Bukhari musykil dengan cara Bukhari mengadakan bab 39 dan 40 di sini, dan seterusnya bab 53 akan datang. Kemusykilan mereka timbul kerana Bukhari telah pun beriltizam untuk tidak mengulang maksud bab-bab yang diadakannya. Tetapi apabila dilihat kepada bab-bab tersebut, ia kelihatan berulang dan membawa maksud yang sama. Maka timbullah kontroversi di kalangan mereka tentang bab-bab itu. **Hafiz al-'Aini mentaqdirkan** bab ini dengan katanya: أي هذا Bermaksud: "Ini adalah bab (pada) menyatakan keharusan lalu di dalam masjid dengan membawa anak panah apabila dipegang matanya. Jelas sekali terdapat semacam kekurangan di dalam tajuk bab ini." Maksud al-'Aini mengatakan "terdapat semacam kekurangan di dalam tajuk bab ini" ialah Bukhari hanya menyebutkan: "Bab Lalu Di Dalam Masjid" tanpa menyebutkan: "Dengan Membawa Anak Panah". Padahal hadits di bawahnya jelas menyebutkannya. Ia tidak menyebutkan semata-mata lalu di dalam masjid! **Al-Qasthallaani juga** turut mentaqdirkan bab ini seperti al-'Aini. Tetapi tanpa menyebutkan bahagian akhirnya (وفي هذه الترجمة نوع قصور على ما لا يخفى). Kesimpulannya mereka berdua secara tidak langsung menerima kesamaan maksud bab ini dengan bab sebelumnya. Kedua-dua bab ini mengandungi maksud mengharuskan membawa anak panah ke dalam masjid dalam keadaan berjaga-jaga dan berhati-hati. Dengan menerima kesamaan maksud bab ini dengan bab sebelumnya bererti mereka tidak dapat menyelesaikan kekusutan dan kemusykilan yang timbul kerananya. **Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi** pula mengandaikan tujuan Bukhari mengadakan bab di atas dengan katanya باب المُرُور فِي الْمَسْجِدِ ialah menyatakan keharusan orang yang membawa anak panah, orang yang berjunub dan sebagainya lalu sahaja di dalam masjid tanpa berada lama di dalamnya seperti pendapat Syafi'e. Walaupun di dalam hadits dibawahnya tidak tersebut tentang orang yang berjunub dan lain-lain lalu di dalam masjid, tetapi itulah yang diistimbathkan (disimpulkan) oleh Bukhari daripadanya. Andaian al-Ganggohi itu sebetulnya tidak secocok dengan pendapat Bukhari sendiri yang bukan hanya mengharuskan orang-orang berjunub lalu di dalam masjid, malah mengharuskan juga mereka berada di dalamnya. **Menurut Syeikh Zakariya**, bab sebelum ini telah jelas menyatakan keharusan masuk ke dalam masjid dalam keadaan membawa anak panah atau lain-lain senjata, dengan syarat menjaganya sehingga tidak melukakan atau menyakiti orang yang berada di dalamnya. Bab ini pula diadakan Bukhari secara berasingan untuk menyatakan khilaf para 'ulama' tentangnya. Golongan Hanafiyah berpendapat makruh masjid dijadikan sebagai tempat laluan. Pengarang ad-Durru al-Mukhtaar malah mengatakan makruh tahrimi. Melalui bab ini Bukhari mahu menolak pendapat mereka. Jika pendapat Syeikh Zakariya diterima, niscaya maksud bab ini dan bab ke 53 nanti akan sama dan berulang. Ini

٤٣٣ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو بُرْدَةَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا بُرْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ مَرَّ فِي شَيْءٍ مِنْ مَسَاجِدِنَا أَوْ أَسْوَاقِنَا بِنَيْلٍ فَلْيَأْخُذْ عَلَى نِصَالِهَا لَا يَغْفِرُ بِكَفِّهِ مُسْلِمًا

433- Musa bin Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Burdah bin `Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku telah mendengar Abu Burdah meriwayatkan daripada ayahnya⁶⁶⁸ daripada Nabi s.a.w, baginda bersabda: “Sesiapa yang lalu di mana-mana masjid atau pasar kita dengan membawa anak panah, dia hendaklah (sentiasa) memegang (menjaga) mata anak panah itu, agar tidak dilukainya seseorang Islam dengan (sebab) tangannya.”⁶⁶⁹

adalah sesuatu yang bercanggah dengan iltizam Imam Bukhari. Selain itu bab ini sebenarnya sekadar menyatakan lalu di dalam masjid sahaja. Ia boleh berlaku dengan sekali atau dua kali lalu sahaja. Ia tidaklah sampai menjadikan masjid sebagai laluan seperti yang dikatakan oleh tokoh-tokoh Hanafiyyah itu. Yang dikatakan makruh oleh mereka ialah apabila masjid dijadikan sebagai laluan, tempat lalu atau sebagai jalan. **Pada pendapat penulis**, keharusan lalu di dalam masjid walaupun dalam keadaan membawa senjata dengan syarat menjaganya dengan sebaik mungkin adalah sesuatu yang diterima oleh semua `ulama' berpandukan hadits yang tersebut di dalam bab sebelum ini. Itulah maksud Bukhari mengada bab ke 39. Melalui bab ini pula Imam Bukhari mahu menyatakan empat perkara. **Pertama:** Khilaf `ulama' tentang lalunya orang yang membawa senjata di dalam masjid tanpa mengawalinya dengan baik atau tanpa sebarang keperluan. Apa lagi jika dijadikan kebiasaan. Maka hukumnya akan berubah daripada harus kepada makruh atau haram. Dengan mengadakan **باب المُرُور فِي الْمَسْجِدِ** ini, Bukhari mahu mengisyaratkan kepada khilaf `ulama' itu. Ia dapat ditaqdirkan begini misalnya: **أي حكمه** . **Kedua:** Bab ini dan bab sebelumnya mengharuskan lalu sekali sekala di dalam masjid dalam keadaan penuh berhati-hati. Bab ke 53 pula membicarakan secara khusus tentang hukum masjid dijadikan sebagi laluan atau jalan. **Ketiga:** Hadits di bawah bab sebelum ini hanya mengandungi pesanan Nabi s.a.w. supaya berhati-hati apabila lalu di dalam masjid dengan membawa senjata. Hadits di bawah bab ini pula mengandungi pesanan Baginda bukan sekadar di masjid sahaja, malah di tempat-tempat lain juga seperti di pasar-pasar. Kalau di pasar-pasar pun diperintahkan supaya menjaga kehormatan orang-orang Islam, tentulah kehormatan mereka di masjid lebih-lebih lagi perlu dijaga. Ringkasnya Imam Bukhari telah memakai kaedah **من باب الأولى** di dalam bab ini. **Keempat:** Hadits di bawah bab sebelum ini hanya menyebutkan perintah Rasulullah s.a.w. supaya memegang mata anak panah yang tajam itu. Tetapi di dalamnya tidak tersebut sebab perintah itu diberikan. Hadits di bawah bab inilah yang menceritakan sebabnya. Jelas sekali, sebabnya ialah supaya ia tidak mengenai mana-mana orang Islam dan melukakannya. Dengan keterangan ini hilanglah kiranya kemusykilan bagaimana tiga tajuk bab Bukhari yang dibincangkan ini berulang maksudnya? Pada hakikatnya perulangan maksud itu tidak ada dan tidak wujud sama sekali. **والله أعلم .**

⁶⁶⁸ Di dalam isnad hadits ini terdapat lima orang perawi. Pertama: Musa bin Ismail. Kedua: `Abdul Wahid. Ketiga: Abu Burdah bin `Abdillah. Nama sebenarnya ialah Bura'id. Keempat: Abu Burdah kedua iaitu datuk kepada Abu Burdah bin `Abdillah. Nama sebenarnya ialah `Aamir. Kelimanya ialah ayah kepada Abu Burdah kedua iaitu Abu Musa al-Asy'ari r.a. Nama sebenar Abu Musa al-Asy'ari ialah `Abdullah bin `Qais.

⁶⁶⁹ Al-'Aini berkata: “**مَنْعَلَقٌ** (tempat pergantungan) **بِكَفِّهِ** bukan **لا يعقر** tetapi **فَلْيَأْخُذْ** , kerana tentu sekali yang dibimbangi akan melukai seseorang Islam ialah mata anak panah itu, bukan tangan pembawanya.” Riwayat al-Ashili lebih jelas di sini. Ia tidak mengelirukan seperti riwayat ini. Berikut ialah teksnya: **فَلْيَأْخُذْ عَلَى نِصَالِهَا بِكَفِّهِ لَا يَغْفِرُ مُسْلِمًا** (dia hendaklah (sentiasa) memegang (menjaga) mata panah itu dengan tangannya, agar ia tidak melukai seseorang Islam). Penulis berpendapat: Jika dikatakan **مَنْعَلَقٌ** (tempat pergantungan) **بِكَفِّهِ** ialah **لا يعقر** sekalipun, bukan **فَلْيَأْخُذْ** , ia tetap tidak mengelirukan. Kerana pada ketika itu ia bermaksud, “agar tidak dilukainya seseorang Islam dengan

بَابُ الشَّعْرِ فِي الْمَسْجِدِ

41- Bab Bersyair Di Dalam Masjid.⁶⁷⁰

sebab tangannya.” Tetapi dengan syarat بَاءٌ pada بَكَهُ dipakai sebagai سَبَبِيَّةٌ (Baa’ dengan ma’na sebab), bukan بَاءُ اسْتِعَانَةٍ (Baa’ dengan ma’na dengan menggunakan). Kirmaani berpendapat: Boleh jadi juga بَكَهُ itu tidak dipakai dengan erti “dengan tangannya” tetapi dengan erti “dengan sebab dia menahan dirinya daripada memegang atau menjaga mata anak panah itu.” Beliau mentaqrirkannya begini: بَلِّغْ بِمَا لَا يَجْرَحُ بِسَبَبِ تَرْكِهِ أَخَذَ النَّصْلَ مُسْلِمًا bermaksud: “agar dia tidak melukai seseorang Islam dengan sebab dia tidak memegang mata anak panah itu.” Biar apa pun andaian dibuat, yang lebih kuat ialah yang dikemukakan oleh Hafiz al-Aini tadi. Ia selain disokong riwayat al-Ashili, disokong juga oleh dua riwayat Muslim ini. (1) Melalui saluran riwayat Abi Usamah Imam Muslim meriwayatkan: فَلْيَمْسِكْ بَلِّغْ بِمَا لَا يَجْرَحُ بِسَبَبِ تَرْكِهِ أَخَذَ النَّصْلَ مُسْلِمًا Bermaksud: dia hendaklah memegang mata anak panah itu dengan tangannya, takut-takut mana-mana bahagian anak panah itu mengenai seseorang Islam. (2) Melalui saluran riwayat Tsabit daripada Abi Burdah pula Imam Muslim meriwayatkan: فَلْيَأْخُذْ بِنَصَالِهَا ثُمَّ لِيَأْخُذْ بِنَصَالِهَا ثُمَّ لِيَأْخُذْ بِنَصَالِهَا Bermaksud: dia hendaklah memegang mata anak panahnya, dia hendaklah memegang mata anak panahnya, sekali lagi dia hendaklah memegang mata anak panahnya.

⁶⁷⁰ Di dalam sesetengah nuskah sebelum perkataan الشَّعْرُ ada perkataan إِنْشَادٌ. Maka ia membawa maksud “Bab Mengungkapkan Sya’ir (Sendiri Atau Sya’ir Orang Lain) Di Dalam Masjid.” Daripada komentar-komentar yang dibuat oleh para pensyarah Sahih Bukhari dapat difahami sekurang-kurangnya tiga maksud Bukhari di sebalik beliau mengadakan bab ini. (1) Mengisyaratkan kepada khilaf ‘ulama’ tentang hukum bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid. (2) Menta’wilkan zahir hadits yang menunjukkan larangan bersya’ir secara mutlaq di dalam masjid. (3) Menyatakan pandangan beliau sendiri berhubung dengan masalah ini. Sememangnya terdapat perbezaan pendapat ‘ulama’ tentang hukum bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid. Segolongan ‘ulama’ berpendapat bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid itu paling tidak hukumnya adalah makruh. Antara tokoh yang berpendapat demikian ialah Masruq, Ibrahim ani-Nakha’i, Salim bin ‘Abdillah, Hasan al-Bashri dan ‘Amar bin Syu’aib. Tetapi kebanyakan ‘ulama’ berpendapat harus jika ia tidak mengandungi unsur-unsur fitnah, lucah, pengampuan, kekarutan atau unsur-unsur lain yang melalaikan. Selain Bukhari, Sya’bi, Muhammad bin Sirin, Sa’id bin Musaiyyab, al-Qasim, ats-Tsauri, Al-Auzaa’i, Abu Hanifah, Malik, Syafi’e, Ahmad, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan, Ishaq, Abu Tsaur dan Abu ‘Ubaid juga berpendapat demikian. Jika sya’ir yang diungkapkan itu mengandungi i’tibar, pengajaran, ‘ilmu, puji-pujian terhadap Allah dan RasulNya atau unsur-unsur yang membela dan mempertahankan agama, ia bukan sahaja harus malah dianggap elok kerana menepati sunnah Nabi s.a.w. Oleh kerana masing-masing pihak yang berbeza pendapat itu mempunyai dalil-dalil berupa hadits-hadits nabi s.a.w, maka Bukhari tidak memutuskan apa-apa hukum di dalam tajuk bab yang dibuatnya. Golongan ‘ulama’ yang menganggap makruh atau haram bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid berdalil dengan beberapa hadits dan atsaar. Antara lainnya ialah hadits-hadits dan atsar berikut ini: (1) Ramai sekali sahabat, seperti ‘Umar, Ibnu ‘Umar, Abu Hurairah, Jaabir, Sa’ad bin Abi Waqqhaas, Abu Sa’id al-Khudri dan lain-lain meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: لَنْ يَمْتَلَى جَوْفُ رَجُلٍ فَيْحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلَى شِعْرًا Bermaksud: Sesungguhnya adalah lebih baik perut seseorang penuh dengan nanah daripada perutnya penuh dengan sya’ir. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Thabaraani, Abu ‘Awaanah, Thahawi, ad-Dhiaa’ al-Maqdisi, Abu Daud at-Thayaalisi, Ibnu Abi Syaibah, al-Bazzaar dan lain-lain). (2) عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الشَّرَاءِ وَالْبَيْعِ فِي الْمَسْجِدِ وَأَنْ تُنْشَدَ فِيهِ ضَالَّةٌ وَأَنْ يُنْشَدَ فِيهِ شِعْرٌ وَنَهَى عَنِ التَّحْلُقِ قَبْلَ الصَّلَاةِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ Bermaksud: ‘Abdullah bin ‘Amar bin al-Aash meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang berjual beli, mencari barang yang hilang dengan membuat bising dan mengungkapkan sya’ir di dalam masjid. Baginda s.a.w. juga melarang daripada membuat halaqah pada hari Juma’at sebelum bersembahyang (Juma’at). (Hadits riwayat Abu Daud, Ahmad, Nasaa’i, Ibnu Khuzaimah, Thahawi, Ibnu Majah dan Tirmizi. Tirmizi mengatakan hadits ini hasan). (3) Hakeem bin Hizaam meriwayatkan, katanya: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُسْتَقَادَ فِي الْمَسْجِدِ وَأَنْ تُنْشَدَ فِيهِ الشُّعْرُ وَأَنْ تُقَامَ فِيهِ الْخُذُودُ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. melarang daripada dilaksanakan hukuman qishas, diungkapkan sya’ir dan dilaksanakan hukuman had di dalam masjid. (Hadits riwayat Abu Daud, Baihaqi, Daraquthni, dan lain-lain). Tiga hadits ini adalah yang terbaik dan paling sahih berhubung dengan larangan bersya’ir di dalam masjid. Hadits (1) adalah sahih. Hadits-hadits (2) dan (3) pula bertaraf hasan. Walaupun sesetengah pihak selalu juga mengemukakan beberapa hadits yang lain untuk menyokong pendapat

yang melarang bersya'ir di dalam masjid, tetapi pada hakikatnya hadits-hadits itu tidak dapat dijadikan hujah kerana kedha'ifannya. Di bawah ini diperturunkan hadits-hadits berkenaan bersama-sama dengan terjemahan dan komentar terhadapnya: (1) Abu al-Qasim al-Baghawi di dalam Mu'jamnya meriwayatkan daripada 'Utsman bin Abi Syaibah daripada Jarir daripada Muhammad bin Ishaq daripada Ya'qub bin 'Utbah daripada al-Harits bin Hisyam daripada ayahnya (Hisyam). Kata ayahnya (Hisyam): أتى ابن الحُمَامَةِ السَّلْمِيُّ إِلَى النَّبِيِّ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ إِنِّي أَتَيْتُ عَلَى رِجْلَيْ تَعَالَى وَمَدَحْتُكَ قَالَ أَمْسِكْ عَلَيْكَ ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ فَخَرَجَ بِهِ مِنَ الْمَسْجِدِ فَقَالَ مَا أَتَيْتُ بِهِ عَلَى رِجْلَيْ فَهَاتِهِ وَأَمَّا مَدْحِي فَدَعَهُ عَنْكَ فَاتَّشَدَّ حَتَّى إِذَا فَرَّغَ دَعَا بِلَالًا فَأَمَرَهُ أَنْ يُعْطِيَهُ شَيْئًا ثُمَّ أَقْبَلَ رَسُولُ اللَّهِ عَلَى النَّاسِ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَى حَائِطِ الْمَسْجِدِ فَمَسَحَ بِهِ وَجْهَهُ وَذَرَاعِيهِ ثُمَّ دَخَلَ Bermaksud: “Pernah Ibnu al-Humaamah (seorang penya'ir) datang / pergi menemui Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. berada di masjid. Dia berkata: “Saya hendak (mengungkapkan sya'ir untuk) menyatakan puji-pujian kepada tuhanku dan (saya juga) hendak menyatakan sanjungan (saya) kepadamu.” Nabi s.a.w. bersabda: “Nanti dulu.” Setelah bangun dan membawanya keluar dari masjid, barulah Rasulullah s.a.w. berkata: “Sekarang bolehlah engkau ungkapkan sya'ir untuk memuji tuhanmu. Adapun sanjungan kepadaku, itu tak payahlah.” Setelah dia (Ibnu al-Humaamah) selesai mengungkapkan sya'irnya, Rasulullah s.a.w. memanggil Bilal lalu Baginda s.a.w. menyuruh Bilal memberikan sesuatu kepadanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. datang kepada orang ramai. Baginda s.a.w. meletakkan tangannya di dinding masjid lalu menyapu muka dan kedua lengannya kemudian masuk (ke dalam masjid semula).” Hadits ini jelas menunjukkan Nabi s.a.w. tidak suka orang bersya'ir di dalam masjid atau mengungkapkan sya'ir di dalamnya, walaupun ia merupakan sya'ir puji-pujian kepada Allah dan RasulNya. Kerana itulah beliau mengajak Ibnu al-Humaamah ke luar masjid. Hadits ini selain mursal kerana Hisyam bukan sahabat nabi s.a.w, isnadnya juga dha'if kerana ada di dalamnya perawi-perawi yang dipertikaikan seperti Jarir dan Ibnu Ishaq. (2) 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya meriwayatkan daripada Ibrahim bin Muhammad daripada Ibnu (anak) al-Munkadir daripada Asid bin 'Abdir Rahman, (katanya): أن شاعرا جاء إلى النبي صلى الله عليه وسلم وهو في المسجد فقال أنشدك يا رسول الله قال لا قال بلى فأذن لي قال النبي صلى الله عليه وسلم فأخرج من المسجد فخرج من المسجد قال فأعطاه النبي صلى الله عليه وسلم ثوبا وقال هذا بدل ما مدحت به ربك Bermaksud: Sesungguhnya ada seorang penya'ir datang kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. berada di masjid. Penya'ir itu berkata: “Saya memohon kepadamu wahai Rasulullah (untuk memuji Allah dan rasulnya dalam bentuk sya'ir). Rasulullah s.a.w. menjawab: “Tidak boleh.” Penya'ir itu berkata: “Saya minta jugalah.” Maka Rasulullah s.a.w. membenarkan kepadanya dengan berkata: “Tetapi kamu keluarlah dari masjid.” Penya'ir itupun keluarlah dari masjid. Kata perawi: selepas itu Rasulullah s.a.w. memberikan kepadanya kain sambil Baginda bersabda: “Ini ialah ganjaran kepada pujianmu terhadap tuhanmu.” Hadits ini mungkin merupakan versi kedua bagi hadits (1) sebelum ini. Ia juga dha'if walaupun sanadnya berbeza daripada sanad hadits itu. 'Abdur Razzaaq telah meriwayatkannya daripada Ibrahim bin Muhammad atau dikenali juga dengan kunyahnya Ibnu Abi Yahya, salah seorang guru Syafi'e. Dia seorang yang terkenal sebagai perawi dha'if. (3) Ibnu as-Sunni meriwayatkan, katanya: al-Husain bin 'Abdillah al-Qatthaan meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Isa bin Hilal al-Himshi meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin Himyar meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abbaad bin Katsir meriwayatkan kepada kami daripada Yazid bin Khushaifah daripada Muhammad bin 'Abdir Rahman bin Tsauban daripada ayahnya daripada datuknya Tsauban r.a. katanya: قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - من رأيتموه ينشد شعرا في المسجد فقولوا فض الله فاك ثلاث مرات Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila kamu melihat seseorang sedang mengungkapkan sya'ir di dalam masjid, katakanlah (kepadanya): “Semoga Allah memecahkan mulutmu / mematahkan gigimu. Tiga kali.” (Hadits riwayat Ibnu as-Sunni di dalam 'Amalu al-Yaumi Wa al-Lailati, at-Thabaraani di dalam al-Mu'jamu al-Kabir, Abu Nu'aim di dalam Ma'rifatu as-Sahabah dan Ibnu Mandah di dalam Ma'rifati as-Sahabah). Hadits ini sangat dha'if kerana di dalam sanadnya terdapat perawi-perawi dha'if dan majhul. Antara perawi utamanya ialah 'Abbaad bin Katsir. Dia adalah seorang perawi dha'if dan matruk (tidak diterima riwayatnya oleh tokoh-tokoh hadits). Di dalam kitab Raudhatu al-Muhadditsin, tersebut komentar Hafiz Ibnu Hajar terhadap Tsauban yang dikatakan telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda begitu. Kata beliau: “Tsauban yang tersebut di dalam sanad ini bukan sahabat yang terkenal sebagai maula (hamba bebasan) Rasulullah s.a.w. itu. Ia bahkan orang lain yang tidak diketahui kecuali di dalam isnad ini. Tidak ada pula orang lain yang meriwayatkan daripada 'Abdir Rahman bin Tsauban kecuali anaknya Muhammad. Dia sebenarnya termasuk antara perawi-perawi yang majhul. **Jumhur 'ulama' yang tidak melarang** secara mutlaq bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid, membantah hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan yang melarang secara mutlaq itu. Berikut ialah hasil bantahan mereka: (1) Hadits-hadits sahih yang menjadi pegangan golongan yang melarang bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid terlalu sedikit jika dibandingkan dengan hadits-hadits yang membenarkan atau menampakkan keharusannya. Yang betul-betul tidak dapat dipertikaikan kesahihannya hanyalah hadits لَنْ يَمْتَلِي جَوْفَ رَجُلٍ قَبِيحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلِي شِعْرًا Bermaksud: Sesungguhnya adalah lebih baik perut seseorang penuh dengan